



**ARAHAN TETAP PENGARAH
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR**

PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 2 TAHUN 2012

PEMAKAIAN BAJU KEBANGSAAN PADA HARI JUMAAT

TUJUAN

1. Surat Pekeliling ini bertujuan menyampaikan keputusan Jabatan untuk menggalakkan semua warga lelaki JAIS memakai baju kebangsaan ke pejabat pada setiap hari Jumaat seperti ditetapkan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam melalui suratnya; JPA(S)TT.193/37/Jld.4(77) bertarikh 15 Mac 2005.

LATAR BELAKANG

2. Sebagaimana semua sedia maklum, hari Jumaat merupakan penghulu segala hari bagi semua umat Islam. Umat Islam khususnya kaum lelaki adalah diwajibkan untuk menunaikan solat fardu Jumaat dan digalakkan berpakaian bersih dan kemas untuk bersolat Jumaat di masjid. Selain kelihatan bersih dan kemas, pemakaian baju kebangsaan yang merupakan warisan negara perlu dikekalkan sebagai sebahagian daripada identiti Malaysia.

PERATURAN YANG HARUS DIPATUHI

3. Sehubungan dengan itu, Jabatan telah memutuskan untuk menggalakkan **semua warga lelaki JAIS mengenakan baju kebangsaan lengkap bersamping dan bersongkok (warna gelap iaitu hitam atau biru tua) pada setiap hari Jumaat ke pejabat.**

PENGECUALIAN

4. Arahan ini tidak terpakai kepada pegawai yang dibekalkan dengan pakaian seragam, pegawai yang menghadiri acara-acara rasmi atau pegawai yang menghadiri majlis rasmi yang menetapkan pemakaian jenis pakaian yang lain.

TARIKH KUATKUASA

5. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta mulai tarikh ianya dikeluarkan.

"BERKHIDMAT KERANA ALLAH UNTUK NEGARA"

(DATO' HAJI MARZUKI BIN HUSSIN)

D.S.I.S, S.M.S, A.M.N, P.J.K

Pengarah

Jabatan Agama Islam Selangor

Tarikh: 12 Jun 2012